

usahawan muda

Semerbak
aroma ayam
golek Ampai Grillz

Oleh Basir Zahrom
basir_zahrom@bh.com.my

► Serdang

Aroma ayam golek yang semerbak tidak lagi asing menambat selera warga Universiti Putra Malaysia (UPM) sejak gerai Ampai Grillz beroperasi di Kolej 10 kampus di sini, pertengahan Oktober lalu.

Dua mahasiswa Bacheloer Kejuruteraan (Pertanian dan Biosistem), Muhammad Faez Setak dan Muhammad Amir Syafeeq Jeeфри, sepakat mengusahakan bersama gerai itu selepas meyakini prospek cerah perniagaan makanan.

Muhammad Faez berkata, langkah itu ternyata membuahkan hasil apabila ramai warga UPM terpiakat dengan menu ditawarkan, lebih-lebih lagi mereka tidak ketinggalan

memanfaatkan beberapa teknik pemasaran yang dipelajari.

Khidmat penghantaran

"Perniagaan ayam golek masih baru di UPM, justeru ramai yang ingin mencuba keenakannya, terutama rakan pengajian di Kolej Kediaman 10 dan 11.

"Selain membuka gerai dari jam 6.30 petang hingga 11 malam, Isnin hingga Jumaat, kami merancang mengembangkan perniagaan ini dengan menawarkan khidmat penghantaran di dalam kampus," katanya.

Francaiskan bisnes

Menyelami minat dua anak muda itu terhadap bidang keusahawanan, Muhammad Amir Syafeeq pula berkata, mereka memiliki latar belakang keluarga yang berkecimpung dalam dunia perniagaan.




Ayam golek Ampai Grillz menambat selera warga UPM.

info

Harga ayam golek ditawarkan Ampai Grillz

- Seekor - RM18
- Separuh - RM10
- Suku - RM5

Muhammad Faez (kanan) dan Muhammad Amir Syafeeq tekun berniaga ayam golek di UPM.



Beliau berkata, Muhammad Faez menceburi pelbagai jenis bisnes sejak zaman persekolahan menengah bersama dorongan bapa saudara yang rata-rata adalah peniaga, manakala dirinya menimba banyak pengalaman membantu di kedai makan milik ayah dan sering ditiupkan semangat sama.

"Berbekalkan modal permulaan RM700, kami menjalankan perniagaan ini dengan

menggunakan mesin bakar ayam golek yang direka khas dan mendapatkan ayam segar dari Pasar Borong Selangor.

"Alhamdulillah selepas sebulan berniaga, kami berjaya meraih keuntungan kira-kira RM1,500 berkat kegigihan usaha dengan bantuan ilmu pemasaran diperoleh daripada Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan UPM," katanya yang juga berhasrat memfrancaiskan bisnes itu.



Muhammad Amir Syafeeq